

Rakyat mengadu ubat tak cukup

SETAPAK - Klinik 1Malaysia yang dilancarkan baru-baru ini sememangnya dinantikan rakyat yang berpendapatan rendah, bagi mendapatkan perkhidmatan mengikut kemampuan mereka.

Bagaimanapun, selepas beberapa bulan ia beroperasi di kawasan yang terpilih, terdapat rungutan dari orang ramai berhubung masalah ketika mendapatkan khidmat di klinik itu.

Ahli Parlimen Titiwangsa, Dr Lo'Lo' Mohd Ghazali berkata, beliau menerima aduan bahawa klinik ini tidak membekalkan ubat yang mencukupi kepada pesakit yang mendapatkan rawatan.

Menurutnya, tindakan kerajaan menyediakan perkhidmatan ini kepada rakyat adalah baik, tetapi ia perlu seiring dengan perkhidmatan yang cekap dan baik.

"Akibat daripada kekurangan ubat, pesakit terpaksa membeli ubat di farmasi luar yang mana menyebabkan kos membeli lebih



● Lo'Lo' (duduk, empat kiri) bergambar bersama penerima sumbangan anjuran YPT di Desa Rejang.

tinggi. Tindakan ini dilibat membebankan rakyat," katanya.

Katanya, beliau bimbang projek Klinik 1Malaysia ini adalah 'hangat-hangat tahi ayam' dan kebajikan rakyat masih belum dibela.

Beliau berkata demikian se-

masa hadir bagi memeriahkan majlis Sumbangan Hari Raya Cina kepada warga emas di Dewan Orang Ramai Perumahan Awam Desa Rejang Setapak anjuran Yayasan Prihatin Titiwangsa (YPT).

Kira-kira 110 masyarakat

Tionghoa hadir menerima sumbangan berupa hamper, keperluan asas dan ang pau.

Lo'Lo' berkata, kerajaan perlu mengambil berat kepada masalah ini dan bersedia menyediakan keperluan ubat yang mencukupi supaya ia tidak membebankan

rakyat yang terpaksa membeli dengan kos tinggi apabila tiada stok bekalan ubat yang mencukupi.

"Saya juga menasihatkan supaya kes yang tidak dapat ditangani oleh Klinik 1Malaysia ini supaya merujuk segera kepada hospital," katanya.